

# Weststar Group lantik kontraktor utama pembelian VSHORAD untuk MINDEF

**KUALALUMPUR:** Weststar Group dilantik sebagai kontraktor utama pemerolehan sistem Pertahanan Udara Jarak Dekat, STARStreak, (VSHORAD) Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) daripada Thales Air Defence Ltd UK

Pengarah Urusan Weststar Group Tan Sri Syed Azman berkata urusan niaga itu mem-babitkan rancangan MINDEF untuk menaik taraf sistem pertahanan peluru berpandu sedia ada dengan memanfaatkan peluang tukar beli peluru berpandu sebelum ini, Starburst dengan peluru berpandu Starstreak, yang

lebih baik.

“Proses itu akan memberi penjimatan besar kepada MINDEF,” katanya dalam satu kenyataan.

Weststar berkata industri pertahanan Malaysia turut memperoleh manfaat daripada program ofset yang ditawarkan oleh THALES, termasuk pemindahan teknologi aplikasi perkakasan dan peralatan yang berkait dengan sistem, selain dalam bidang yang berkaitan.

Thales turut menawarkan pakej latihan untuk melancarkan operasi mengenai sistem berkenaan, katanya.

— Bernama